

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' HAJI MAHFUZ BIN
OMAR [POKOK SENA]**

TARIKH : 16 NOVEMBER 2016 (KHAMIS)

SOALAN : 24

YB Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] minta PERDANA MENTERI menyatakan :-

- (a) apakah pencapaian dan berapa jumlah Rumah Mampu Milik (PR1MA) dan Syarikat Perumahan Negara yang telah siap dan dalam pembinaan; dan
- (b) apakah langkah yang diambil oleh PR1MA untuk mengatasi kekurangan dan perlahannya pembinaan Rumah Mampu Milik PR1MA dan Syarikat Perumahan Negara.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI SHAHIDAN BIN KASSIM,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Seperti mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, PR1MA telah dimandatkan untuk menyediakan 500,000 unit kediaman. Sehingga kini, Anggota Perbadanan PR1MA telah meluluskan sebanyak 268,993 unit seluruh negara. Jumlah ini dijangka akan meningkat mengikut kekerapan Mesyuarat Anggota Perbadanan PR1MA yang sentiasa bersidang dari semasa ke semasa.

Pada masa ini sebanyak 90 buah projek PR1MA yang terdiri daripada 103,166 unit kediaman sedang berada dalam pembinaan iaitu di Johor, Kedah, Kelantan, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Pulau Pinang, Perak, Perlis, Sabah, Sarawak, Selangor, Terengganu, dan Kuala Lumpur.

Selain itu, sebanyak 1,332 unit rumah PR1MA telah disiapkan iaitu di Putrajaya, Kuala Ketil dan Sungai Petani 2 di Kedah. Manakala itu, projek-projek selebihnya berada dalam pelbagai fasa perancangan seperti mana yang telah dijadualkan.

Tuan Yang di Pertua

Bagi mempercepatkan pembangunannya, PR1MA juga sedang meneliti penggunaan teknologi moden seperti *Industrialised Building System* (IBS). Kajian terperinci akan dilaksanakan bagi mengkaji kesesuaian dan keberkesanan pelaksanaan teknologi ini yang dapat membantu memendekkan tempoh pembinaan projek perumahan.

Berkenaan pembangunan oleh Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) pula, fokus program SPNB adalah untuk memenuhi permintaan rumah daripada golongan berpendapatan rendah dan sederhana iaitu antara RM750 hingga RM10,000 sebulan.

Tiga produk perumahan utama SPNB ialah seperti berikut;

- i. Rumah Mesra Rakyat 1Malaysia (RMR1M) untuk golongan berpendapatan isi rumah antara RM750 – RM3,000 sebulan;
- ii. Rumah Idaman Rakyat (RIR) untuk golongan yang berpendapatan seisi rumah antara RM7,500 hingga RM10,000 sebulan; dan
- iii. program kediaman komersial iaitu Rumah Aspirasi Rakyat (RAR) .

Setakat 30 September 2016, pencapaian pembangunan untuk 3 program SPNB adalah seperti berikut;

Program	Siap	Dalam Pembinaan
RMR1M	36,454	1,605
RIR	-	1,145
RAR	24,113	5,122
Jumlah Keseluruhan	60,567	7,872

Sekian. Terima kasih.